

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2020

A. MAKLUMAT WARIS / WAKIL

1. S: Adakah pemohon wajib mengisi maklumat waris semasa Permohonan BSH 2020?

J: Ya. Semua pemohon BSH 2020 wajib mengisi maklumat waris.

2. S: Apakah tujuan maklumat waris diisi oleh pemohon BSH 2020?

J: Tujuan maklumat waris diisi adalah sebagai:

- i. Waris bagi tuntutan Skim Khairat Kematian (SKK) jika pemohon / pasangan BSH 2020 telah meninggal dunia; atau
- ii. Wakil bagi penunaian BSH 2020

3. S: Siapakah waris yang layak didaftarkan semasa Permohonan BSH 2020?

J: Waris yang layak didaftarkan semasa permohonan BSH 2020 adalah seperti berikut:

- i. Ibu
- ii. Bapa
- iii. Pasangan
- iv. Anak
 - Anak Kandung
 - Anak Tiri
 - Anak Angkat
- v. Adik-Beradik
- vi. Cucu

4. S: Siapakah waris / wakil yang dibenarkan atau layak untuk membuat tuntutan SKK / penunaian BSH 2020?

J: Waris yang layak adalah Waris yang didaftarkan oleh pemohon di Bahagian E (Maklumat Waris) pada Borang BSH 2020 dan mestilah terdiri daripada hubungan seperti jawapan soalan No. 3.

5. **S: Berapakah had umur untuk melayakkan seseorang menjadi waris / wakil?**

J: Tiada had umur kelayakan seseorang untuk menjadi waris / wakil kepada penerima Bantuan Sara Hidup BSH 2020. Walau bagaimanapun, bagi waris / wakil yang berusia 17 tahun ke bawah, dokumen seperti jawapan bagi soalan 9 / 12 perlu di bawa dan cap jari / tandatangan individu yang hadir bersama waris / wakil perlu diperolehi. Individu yang hadir bersama waris mesti juga mempunyai pertalian dgn waris di bawah umur berkenaan. Bukti pertalian dgn waris mesti dikemukakan pada pihak bank.

6. **S: Saya Bukan Warganegara Malaysia tetapi menetap di Malaysia, adakah saya layak didaftarkan sebagai waris / wakil?**

J: Ya, jika anda Bukan Warganegara Malaysia dan menetap di Malaysia, anda layak menjadi waris / wakil sekiranya hubungan anda dan penerima adalah terdiri daripada ibu / bapa / pasangan / anak / adik-beradik / cucu yang menetap di Malaysia.

B. SKIM KHAIRAT KEMATIAN (SKK)

7. **S: Siapakah yang layak menerima Skim Khairat Kematian (SKK)?**

J: Bagi pelaksanaan BSH 2020, kelayakan SKK BSH 2020 adalah bagi kategori Isi Rumah seperti berikut:

- i. Kahwin; atau
- ii. Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak; atau
- iii. Bujang / Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda berumur 60 tahun dan ke atas

dan bergantung kepada tarikh kematian dan kelulusan BSH 2020 mengikut Fasa seperti berikut:

Bil.	Perkara	Tarikh Kematian	Individu Meninggal dunia	Kelayakan SKK
1.	Menerima pembayaran Fasa Pertama dan Kedua	1 Januari 2020 hingga 31 Januari 2020	Pemohon	Layak
			Pasangan (Warganegara Malaysia sahaja)	Tidak Layak
2.	Menerima pembayaran Fasa		Pemohon	Tidak Layak

	Pertama dan Kedua serta Tidak Lulus pembayaran fasa seterusnya BSH 2020	1 Februari 2020 hingga 31 Disember 2020	Pasangan (Warganegara Malaysia sahaja)	
3.	Menerima pembayaran Fasa Pertama dan Kedua serta Lulus pembayaran fasa seterusnya BSH 2020	1 Februari 2020 hingga 31 Disember 2020	Pemohon Pasangan (Warganegara Malaysia sahaja)	Layak
4.	Permohonan baharu yang Lulus BSH 2020	1 Februari 2020 hingga 31 Disember 2020	Pemohon Pasangan (Warganegara Malaysia sahaja)	Layak

8. **S: Bila dan di manakah pembayaran SKK BSH 2020 boleh dibuat?**

J: Pembayaran SKK boleh dituntut di mana-mana Cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) dan tarikh tuntutan adalah seperti di bawah:

Bil.	Perkara	Tarikh Kematian	Tarikh Tuntutan (Mulai)
1.	Penerima pembayaran Fasa Pertama dan Kedua	01 Januari 2020 hingga 31 Januari 2020	1 Februari 2020
2.	Penerima pembayaran Fasa Pertama dan Kedua serta lulus pembayaran fasa seterusnya BSH 2020	01 Februari 2020 hingga 31 Disember 2020	17 Ogos 2020
3.	Permohonan Baharu yang lulus BSH 2020		

9. **S: Apakah dokumen yang perlu dibawa oleh waris semasa tuntutan SKK di BSN?**

J: Dokumen yang perlu dibawa oleh waris yang didaftarkan adalah:

- i. Sijil Kematian (Asal / salinan) Pemohon / Pasangan; dan
- ii. Kad Pengenalan Asal waris; dan
- iii. Dokumen pembuktian pertalian antara Pemohon dan wakil / waris (Asal / Salinan) seperti berikut:

Bil.	Hubungan Wakil / Waris	Dokumen Pengesahan Pertalian
1.	Ibu / Bapa	Sijil Kelahiran pemohon
2.	Pasangan	a. Sijil Perkahwinan; ATAU

		b. Sijil Lahir Anak
3.	Anak	Sijil Kelahiran Wakil / Waris (Anak)
4.	Anak Angkat	a. Sijil Anak Angkat yang dikeluarkan oleh JPN; ATAU b. Pengesahan Agensi Kerajaan (jika pemohon tiada Sijil Anak Angkat) iaitu: i. Mahkamah; atau ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
5.	Anak Tiri	a. Sijil Lahir Wakil / Waris (Anak Tiri); DAN b. Sijil Perkahwinan Ibu / Bapa Tiri
6.	Adik Beradik	a. Sijil Kelahiran Pemohon; DAN b. Sijil Kelahiran Wakil / Waris
7.	Cucu	a. Sijil Kelahiran Wakil (Cucu); DAN b. Sijil Kelahiran Ibu / Bapa kepada Wakil

10. **S: Berapakah jumlah SKK yang akan diterima?**

J: Jumlah SKK yang akan diterima oleh Waris sebanyak RM1,000.

11. **S: Berapakah jumlah SKK yang akan diterima sekiranya Pemohon dan pasangan yang didaftarkan semasa permohonan BSH 2020 meninggal dunia?**

J: Sekiranya Pemohon dan pasangan (Warganegara Malaysia) yang meninggal dunia dan permohonan BSH 2020 berstatus lulus, waris yang didaftarkan akan menerima sebanyak RM1,000 bagi setiap tuntutan (pemohon dan pasangan) berkenaan. Ianya tertakluk kepada kelayakan SKK seperti Jawapan bagi Soalan 7.

C. PENUNAIAN BSH 2020

12. **S: Apakah dokumen yang perlu dibawa oleh wakil semasa penunai BSH 2020 di BSN?**

J: Dokumen yang perlu dibawa oleh wakil yang didaftarkan adalah:
i. Kad pengenalan lama atau baru (asal atau salinan) penerima; dan
ii. Kad Pengenalan / Pasport asal wakil; dan
iii. Dokumen pembuktian pertalian antara penerima dan wakil (asal atau salinan) [rujuk Jawapan bagi soalan 9(iii)]; dan
iv. Dokumen tambahan mengikut situasi penerima yang tidak hadir untuk penunai:

- a. Surat Pengesahan Penjara / Pusat Serenti (salinan atau asal) jika penerima berada di penjara atau Pusat Serenti; atau
 - Tempoh masa Surat Pengesahan:
 - Terdapat paparan tarikh masuk dan keluar penjara; atau
 - Sekiranya tiada tarikh masuk keluar penjara, Surat Pengesahan Penjara yang dikeluarkan berkenaan mesti bertarikh tahun semasa (tahun 2020)
- b. Surat Pengesahan Majikan dan tarikh mula dan tamat bertugas sebagai yang menunjukkan bukti penerima berada diluar negara; atau
- c. Surat pengesahan hospital jika penerima menerima rawatan di hospital; atau
- d. Surat pengesahan yang menunjukkan penerima uzur atau tidak berdaya untuk bergerak; atau
- e. Kad OKU

13. S: Bolehkah saya mewakilkan penunaian BSH 2020 bagi penerima yang berada di luar negara dan tidak dapat pulang kerana keadaan semasa seperti Sekatan perjalanan Covid-19 dan kesulitan lain semasa tempoh pembayaran?

- J: Wakil yang didaftarkan boleh mewakilkan penunaian BSH 2020 dengan mengemukakan:
- i. Kad pengenalan lama atau baru (salinan) penerima; dan
 - ii. Kad Pengenalan / Pasport asal wakil; dan
 - iii. Dokumen pembuktian pertalian antara penerima dan wakil (rujuk Jawapan bagi soalan 9(iii)); dan
 - iv. Dokumen tambahan yang menunjukkan penerima berada di luar negara

14. S: Bolehkah saya mewakilkan penunaian BSH 2020 bagi penerima yang menghilangkan diri?

- J: Waris yang didaftarkan boleh mewakilkan penunaian dengan mengemukakan:
- i. Dokumen yang membuktikan penerima hilang seperti Laporan Polis, Akuan Sumpah atau sebarang dokumen yang boleh membuktikan mengenai status penerima yang hilang; dan
 - ii. Dokumen pembuktian pertalian antara penerima dan wakil / waris [rujuk Jawapan bagi Soalan 9(iii)].

15. **S:** Bolehkah saya mewakili penunaian BSH 2020 bagi pemohon yang bekerja / belajar / menetap / dipenjarakan / meninggal dunia di luar negara semasa tempoh pembayaran?

J: Tidak. Bagi individu yang bekerja / belajar / menetap / dipenjarakan / meninggal dunia di luar negara tidak layak untuk menerima BSH 2020.

D. MENINGGAL DUNIA PADA JANUARI 2020

16. **S:** Pasangan saya adalah pemohon BSH 2020 dan menerima bayaran Fasa pertama serta telah meninggal dunia pada Januari 2020. Adakah beliau layak menerima SKK BSH 2020?

J: Ya. Pemohon yang layak bayaran Fasa Pertama BSH 2020 dan meninggal dalam tempoh 1 Januari 2020 sehingga 31 Januari 2020, waris yang didaftarkan layak untuk menuntut SKK BSH 2020.

17. **S:** Bilakah tarikh tuntutan SKK BSH 2020 boleh dibuat?

J: Pemohon layak bayaran Fasa Pertama BSH 2020 yang meninggal dalam tempoh 1 Januari 2020 sehingga 31 Januari 2020, tarikh tuntutan SKK BSH 2020 oleh waris adalah mulai **1 Februari 2020** di mana-mana Cawangan BSN.

18. **S:** Adakah waris boleh membuat tuntutan SKK dan juga baki bayaran BSH 2020 pemohon?

J: Ya. Sekiranya Pemohon layak bayaran Fasa Pertama BSH 2020 yang tidak mendaftarkan maklumat akaun bank dan penunaian Fasa Pertama masih belum dilakukan oleh penerima. Waris boleh membuat tuntutan SKK dan bayaran Fasa Pertama BSH 2020 sahaja.

19. **S:** Adakah Pemohon yang meninggal mulai Februari 2020 dan layak Bayaran Fasa Pertama dan Kedua BSH 2020 juga layak menerima SKK BSH 2020. Sekiranya layak, bilakah tarikh tuntutan SKK BSH 2020?

J: Kelayakan SKK BSH 2020 adalah bergantung kepada **Kelulusan BSH 2020 bagi pembayaran Fasa seterusnya**. Sekiranya permohonan BSH 2020 lulus untuk pembayaran Fasa seterusnya, waris yang didaftarkan oleh pemohon pada Borang BSH 2020 layak untuk membuat tuntutan SKK BSH 2020. Tarikh tuntutan SKK bagi yang meninggal dunia mulai 1 Februari 2020 adalah pada 17 Ogos 2020.

20. S: Pasangan saya adalah pemohon BSH 2020 tetapi tidak layak menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2020. Pasangan saya telah meninggal dunia pada 13 Januari 2020. Adakah saya boleh membuat tuntutan SKK BSH 2020 pasangan saya?

J: Tidak. Skim Khairat Kematian (SKK) hanya boleh dituntut bagi Pemohon layak menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2020 yang meninggal dunia pada Januari 2020. Rujuk Jawapan bagi Soalan 7.

E. MENINGGAL DUNIA MULAI FEBRUARI 2020

21. S: Adakah waris boleh membuat tuntutan SKK dan juga baki bayaran BSH 2020 pemohon?

J: Ya. Sekiranya pemohon lulus BSH 2020 tidak mendaftarkan maklumat akaun bank dan penunaian BSH 2020 masih belum dilakukan oleh penerima. Waris boleh membuat tuntutan SKK serta baki bayaran BSH 2020.

22. S: Permohonan BSH 2020 saya telah lulus dan pasangan saya (bukan Warganegara Malaysia) telah meninggal dunia pada Mac 2020. Adakah saya boleh membuat tuntutan SKK BSH 2020 pasangan saya?

J: SKK BSH 2020 hanya layak bagi pasangan Warganegara Malaysia yang meninggal dunia mulai Februari 2020 dan Permohonan BSH 2020 berstatus lulus.

23. S: Adakah saya sebagai waris boleh menuntut SKK BSH 2020 bagi pemohon dan pasangan yang meninggal dunia pada Mac 2020?

J: Ya. tuntutan SKK bagi kedua-dua pemohon dan pasangan (Warganegara Malaysia) boleh dibuat oleh Waris yang didaftarkan sekiranya permohonan BSH 2020 pemohon berstatus Lulus. Waris yang didaftarkan akan menerima sebanyak RM1,000 bagi setiap tuntutan SKK BSH 2020 pemohon dan pasangan yang meninggal dunia. Ianya tertakluk kepada kelayakan SKK seperti Jawapan bagi Soalan 7.

F. KEMAS KINI WARIS / WAKIL

24. S: Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya maklumat waris (nama / no. pengenalan) yang telah didaftarkan salah semasa tuntutan SKK di BSN?

J: Sekiranya terdapat perbezaan nama tetapi No. Pengenalan waris yang didaftarkan adalah betul, penunaian boleh dilakukan di BSN. Akan tetapi sekiranya No. Pengenalan waris yang didaftarkan salah, anda perlu hadir ke LHDNM beserta Borang Kegagalan Tuntutan Bantuan Sara Hidup / SKK yang dikeluarkan oleh BSN untuk tindakan selanjutnya.

25. S: Saya telah didaftarkan sebagai waris bagi permohonan Bantuan Sara Hidup ayah saya. Semasa permohonan, saya telah didaftarkan sebagai Cucu. Adakah saya boleh membuat tuntutan SKK / Penunaian BSH 2020 di BSN kerana hubungan yang didaftarkan tidak tepat?

J: Sekiranya terdapat perbezaan hubungan di antara pemohon dan waris yang didaftarkan, penunaian boleh dilakukan di BSN dengan syarat dokumen sokongan yang perlu dibawa dan hubungan waris / wakil adalah seperti yang telah ditetapkan (rujuk jawapan bagi soalan 3).

26. S: Saya telah lulus BSH 2020, tetapi waris yang saya daftarkan pada permohonan BSH 2020 telah meninggal dunia. Adakah saya boleh menukar maklumat waris berkenaan?

J: Ya. Anda boleh menukarkan waris yang baru dan tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:
i. Anda perlu mengisi Borang Kemas Kini Maklumat Waris (BK-20); dan
ii. Kemukakan ke LHDNM yang berhampiran.
Hubungan waris baru yang dibenarkan adalah terhad kepada ibu / bapa / pasangan / anak / adik-beradik / cucu kepada pemohon (rujuk jawapan bagi soalan 3).

27. S: Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya pemohon / pasangan telah meninggal dunia dan waris asal yang didaftarkan tidak boleh menuntut SKK BSH 2020 bagi pihak penerima kerana mempunyai masalah kesihatan / hubungan / berada di luar negara?

J: Waris asal yang masih hidup perlu memberi keizinan pertukaran kepada waris baru. Waris baru boleh membuat kemas kini maklumat waris

dengan mengemukakan **surat keizinan pertukaran waris daripada waris asal**. Hubungan waris baru yang dibenarkan adalah terhadap kepada ibu / bapa / pasangan / anak / adik-beradik / cucu kepada pemohon (rujuk jawapan bagi soalan 3).

- 28. S: Sekiranya pemohon telah meninggal dunia dan tidak mendaftarkan waris, siapakah waris yang layak didaftarkan sebagai waris?**
- J: Waris yang layak didaftarkan adalah pasangan / anak yang wujud pada Bahagian B / C Borang BSH 2020.